

BH 22.05.2008 M/S 8

IPT menggapai taraf enam bintang

Kecemerlangan perlu bertunjang kepada kesohoran, kewibawaan tenaga akademik

**U**SU kecemerlangan institusi pengajian tinggi (IPT) akan terus diperkatakan selagi kerajaan dan pengurusan universiti memberi penekanan khusus terhadap kesohoran akademik dalam melahirkan modal insan kelas pertama. Soalnya, apa yang dimaksudkan dengan 'kecemerlangan' akademik?

Baru-baru ini diumumkan hasil kajian penarafan universiti tempatan menyaksikan Universiti Malaya (UM) sebagai IPT tertua di negara ini memperoleh lima bintang berdasarkan enam domain. Tidak ada universiti mendapat enam bintang menerusi Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2007.


Sejumlah 17 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ditaraf dan ditempatkan mengikut tiga kategori, iaitu universiti penyelidikan (UM), keseluruhan (broadbased) (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) dan pengkhususan (Universiti Teknologi Malaysia).

Seperti kata Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, masih banyak ruang penambahbaikan dilakukan untuk meraih enam bintang, taraf tertinggi kalangan IPT tempatan. Enam domain tersenarai dalam kajian julung-julung kali diadakan secara dwitahunan itu ialah kakitangan akademik (25 peratus), pemilihan penuntut secara selektif (10 peratus), penyelidikan (15 peratus), program akademik (25 peratus), sumber (15 peratus) dan pengurusan (10 peratus).

Kecemerlangan IPT tidak sewajarnya diukur daripada pencapaian akademik, misalnya pelajar mendapat kepujian Kelas Pertama, tetapi perlu bertunjang kepada kriteria lain seperti kesohoran dan kewibawaan tenaga akademik dan ketulenan dan kehebatan hasil penyelidikan dan penulisan mereka.

Ada pengurusan dan kepemimpinan universiti menentukan kelulusan Doktor Falsafah (PhD) sebagai kriteria utama bukan saja dari segi pemilihan staf akademik, malah dalam pelantikan mereka kepada ke taraf profesor. Ertinya, kriteria utama ialah jumlah tenaga akademik yang ada ijazah PhD. Kian banyak yang bertaraf PhD, semakin cemerlang IPTA berkenaan.

Kemudian baru dipertimbangkan hasil penyelidikan dan penulisan akademik, visi dan misi, kehebatan pengurusan dan pentadbiran dan sahsiah rupa diri dan ke-



**YANG TERBAIK:** Hasil kajian penarafan universiti tempatan menyaksikan UM memperoleh lima bintang berdasarkan enam domain.

peribadian atau personaliti, serta pemilihan penuntut sama ada benar-benar selektif dan ketat, tidak secara 'tangkap muat' begitu saja.

Bagaimanapun, masih ada persoalan dan kontroversi di sini. Adakah profesor yang ada selama ini semuanya memiliki PhD? Realitinya tidak begitu sehingga timbul anggapan kepada pensyarah muda berkecualan PhD dari IPT tersohor di luar negara dengan keterbukaan minda dan dengan disiplin ilmu lebih terbaru dan relevan memenuhi tuntutan pembangunan dan kemajuan negara.

Kita harus mengkaji keempat-empat aspek di bawah ini:

● Pertama; rata-rata tenaga akademik ini mempersoalkan penetapan kriteria PhD sebagai syarat mutlak kepada kenaikan pangkat profesor, ibarat 'keris menikam diri tuannya sendiri'. Kemungkinan timbul masalah kronisme, teman rapat dan sukusakat terdekat kepada tenaga akademik tertentu, lebih menjadi kriteria utama dalam kenaikan pangkat profesor.

● Kedua; dari segi penulisan artikel dan buku akademik, tidak keterlaluan jika di-

katakan rata-rata intelektual kita lebih cenderung mengambil pendekatan selamat dan mudah dengan menulis isu remeh-temeh. Intelektual luar negara lebih berani dan radikal dengan memanfaatkan situasi tempatan seperti isu politik kontroversi seperti tsunami politik 8 Mac 2008 untuk bahan kajian dan penerbitan mereka, yang ironinya, karya ini digunakan penuntut universiti tempatan untuk bahan kajian dan penyelidikan.

Bahan berita dalam media menjadi medan utama hujahan intelektual luar itu, sesuatu yang dianggap tidak relevan bagi kebanyakan pengurusan IPT. Mereka turut menemubual beberapa tokoh autentik untuk mendapatkan bahan, sesuatu yang amat perit bagi ilmuwan tempatan hendak memperolehnya dengan alasan bahan berkenaan rahsia.

Bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Datuk Dr Hassan Ahmad ketika berucap pada persidangan kebangsaan mengenai penerbitan ilmiah di Johor Bahru selama tiga hari bermula 9 Januari 2007 lalu, ada mendedahkan permasalahan penerbitan ilmu dalam bahasa Melayu antara

masalah dasar dan budaya dengan masalah ekonomi penerbitan.

Masalah pokok dalam konteks ini ialah pemupukan budaya ilmu dalam bahasa Melayu dalam kalangan akademik dan ilmuwan, malah pelajar IPT sendiri.

Secara peribadi, saya hanya berkesempatan meninjau judul penerbitan ilmiah baru ketika berlangsungnya Pameran Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, cuma setahun sekali, yang menunjukkan kelemahan sistem pemasaran buku ilmiah kepada masyarakat.

Jika penerbitan ilmiah menjadi kriteria kedua, pastinya yang dituntut kepimpinan IPT dapat menghasilkan karya lebih hebat dari segi kualiti dan kuantiti, jika tidak, kita bakal ditertawakan ilmuwan muda yang relatif muda, tetapi penuh ber-tenaga lagi bersemangat.

● Ketiga; kewibawaan dan kesohoran akademik kita sendiri, khusus yang memegang tampuk pengurusan pentadbiran boleh mencetuskan isu. Semua individu berbakat menjadi pentadbir asalkan diberi peluang dan kepercayaan. Masing-masing tentu ada misi dan visi tersendiri.

● Keempat; isu sahsiah rupa diri dan keperibadian. Kriteria ini banyak menimbulkan persoalan dan kontroversi. Bagaimanakah dikatakan peribadi murni dan luhur untuk menjadi pendidik yang baik lagi terpuji? Yang penting ialah nilai kemanusiaan sejagat yang bertunjang kepada nilai murni. Pastinya ajaran Islam menjadi kriteria penting berpaksikan kitab suci al-Quran dan Sunnah.

Kecemerlangan akademik sewajarnya dikaitkan dengan budaya kerja gigih secara berterusan dalam apa juga gerak kerja dan aktiviti. Pastinya kepemimpinan menjadi teladan agar mengatasi tenaga akademik lain baik dari segi kelulusan akademik, keterbilangan dalam penghasilan karya berbentuk artikel, esei dan buku, kesohoran peribadi, keterikatan kepada pengurusan yang mantap lagi konsisten.

Ada ura-ura universiti sendiri yang melantik naib canselor. Biar apapun kaedah dan mekanisme, seelok-eloknya tempoh perantaraan berkenaan jangan melebihi lima tahun, bagi mengelakkan ketepuan dan ketandusan idea dan keclaruan visi dan wawasan dari segi pentadbiran dan pengurusan.